

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًاٰ وَقَبَائِلَ لِتَعَاوَرُواٰ
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat : 13)

Ayat di atas menerangkan Allah SWT menjadikan manusia pelbagai bangsa dan kaum.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan sebab turun ayat.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** keutamaan taqwa di sisi Allah SWT.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat.

[4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَأَنَّ يَخْتَطِبَ
أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهِيرَهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيهِ أَوْ يَمْنَعْهُ.
(رواية البخاري)

Islam memandang tinggi umatnya yang sentiasa berdikari dalam memenuhi tuntutan harian.

(i) Nyatakan maksud berdikari.

[2 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan berdikari.

[2 markah]

(iii) Kehidupan di asrama melatih pelajar supaya hidup berdikari.

Kemukakan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

(c) Nyatakan **dua** jenis Qalqalah.

[2 markah]

2	(a)	(i)	Al-Raqib merupakan salah satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT. Nyatakan maksud al-Raqib.	[2 markah]	
		(ii)	Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat al-Raqib.	[4 markah]	
		(iii)	Ramalkan apa yang akan berlaku kepada masyarakat sekiranya kefahaman al-Raqib diabaikan.	[4 markah]	
(b) Iman terbatal melalui iktikad, perkataan dan perbuatan.					
		(i)	Nyatakan dua contoh iktikad yang membatalkan iman dari sudut Ghaibiyat.	[2 markah]	
		(ii)	Jelaskan dua syarat terbatal iman.	[4 markah]	
		(iii)	Terangkan dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman.	[4 markah]	
3	(a)	Ibadat haji telah disyariatkan pada tahun kelima hijrah.			
		(i)	Apakah hukum menunaikan ibadah haji?	[1 markah]	
		(ii)	Senaraikan bulan-bulan haji.	[3 markah]	
		(iii)	Jelaskan perbezaan antara haji dan umrah dari aspek: (1) Waktu (2) Rukun	[4 markah]	
		(iv)	Terangkan hikmah mengerjakan haji .	[2 markah]	
	(b)	Solat sunat tasbih sangat dituntut dalam Islam.			
		(i)	Nyatakan maksud solat sunat tasbih.	[2 markah]	
		(ii)	Jelaskan dua hikmah menunaikan solat sunat tasbih.	[4 markah]	
		(iii)	Bagaimanakah solat sunat tasbih dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian. Berikan cadangan anda.	[4 markah]	

4	(a)	(i)	Nyatakan secara ringkas sejarah kerajaan Umayyah dari aspek berikut: (1) Pengasas (2) Pusat pemerintahan	[2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua sumbangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan.	[4 markah]
		(iii)	Terangkan faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek berikut: (1) Politik (2) Akhlak	[4 markah]
	(b)		Imam Malik adalah seorang tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam Tamadun Islam.	
		(i)	Nyatakan dua cara Imam Malik mengasaskan mazhab.	[2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua sifat kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu.	[4 markah]
			<i>'Imam Malik sangat mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana'</i>	
		(iii)	Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat meneladani sifat tersebut dalam kehidupan. Huraikan.	[4 markah]

5	(a)	(i)	Nyatakan dua adab terhadap orang sakit.	[2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua hikmah beradab terhadap orang sakit.	[4 markah]
		(iii)	Menjaga orang sakit merupakan tuntutan fardhu kifayah. Berikan pandangan anda mengapakah masih ada umat Islam yang mengabaikan tuntutan tersebut.	[4 markah]
	(b)		Wasatiyyah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.	
		(i)	Apakah maksud kecemerlangan dalam wasatiyyah?	[2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua ciri umat cemerlang.	[4 markah]
			KECEMERLANGAN <i>Dicipta Oleh INSAN BIASA</i> Dari Keluarga Biasa Belajar Di Sekolah Biasa Memiliki Kecerdasan Biasa Yang BERUSAHA Secara LUAR BIASA	
		(iii)	Berikan hujah anda bagi menyokong slogan di atas.	[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KECEMERLANGAN

Dicipta Oleh
INSAN BIASA

Dari Keluarga Biasa
Belajar Di Sekolah Biasa
Dibimbing Oleh Guru Biasa
Memiliki Kecerdasan Biasa

Yang
BERUSAHA
Secara
LUAR BIASA